

UniKL umum Dr Afifi al-Akiti Pengerusi PCM Sdn Bhd

Kuala Lumpur: Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mengumumkan pelantikan Felo Pusat Pengajian Islam Universiti Oxford, United Kingdom, Datuk Dr Afifi al-Akiti sebagai Pengerusi PCM Sdn Bhd berkuat kuasa 12 Mac lalu.

Dalam satu kenyataan semalam, UniKL memaklumkan dengan pelantikan ini, beliau akan menurajui dan mengawal selia UniKL Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP) termasuk pelan pembangunannya.

“Dr Afifi juga adalah Ahli Lembaga Pengarah UniKL, merancang pembabitan UniKL RCMP yang lebih besar di dalam bidang kesihatan di Perak termasuk beberapa perkembangan menarik yang membabitkan hubungan antarabangsa beliau yang cukup luas,” katanya.

Kenyataan itu menjelaskan, beliau juga ulama Melayu di Universiti Oxford dan berkebolehan dalam pelbagai bidang keilmuan.

“Beliau mencipta sejarah apabila menjadi rakyat Malaysia



Dr Afifi al-Akiti

(dan Nusantara) pertama yang dilantik mengajar di universiti terkemuka dunia pada 2008 ketika umurnya baru 32 tahun. Bidang kepakarannya adalah aqidah, syariah dan ilmu sains dalam tamadun Islam,” katanya.

Anak kelahiran Batu Gajah, Perak itu mendapat pendidikan tradisional dari pelbagai ulama dunia Islam terkenal, kemudian pada 2010, menerima watikah pelantikan sebagai Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

Beliau dikurniakan gelaran Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tu-an sebagai Orang Besar Delapan Perak dan dilantik Ahli Rasmi Dewan Negara Perak pada 2012 dan baru-ba-

ru ini, dimasyhurkan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Pada 2018, Yang di-Pertuan Agong juga berkenan melantik beliau sebagai Timbalan Pengurus Jawahtanuasa Tertinggi Majlis Raja-Raja Hal Ehwal Islam di Peringkat Persekutuan.

